

PM jamin Sarawak terus aman, progresif, makmur

UM - 19/5/2006

Oleh BORHAN ABU SAMAH

Konsep unik perkongsian kuasa BN adalah satu mekanisme contoh yang dicemburui oleh ramai pihak

ABDULLAH AHMAD BADAWI

KUCHING 18 Mei - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari memberi jaminan Sarawak akan terus aman, progresif dan makmur di bawah kerajaan Barisan Nasional (BN).

Jaminan itu diberikan Perdana Menteri dalam perutusan yang disiarkan oleh sebuah akhbar tempatan hari ini sebagai mesej kepada rakyat Sarawak menjelang pilihan raya negeri itu, Sabtu ini.

Sarawak kata Abdullah, di bawah kepimpinan BN telah menikmati pembangunan berterusan dan pelbagai rancangan pembangunan kebangsaan sejak penubuhan Malaysia lebih dari empat dekad yang lalu.

"Sarawak sudah dan sentiasa menjadi asas utuh di dalam pakatan BN. Kerajaan Persekutuan juga akan terus memastikan Sarawak sebagai sebuah negeri

yang aman, progresif dan makmur untuk rakyatnya," kata beliau.

Menurut beliau, tidak diragui Sarawak di bawah kepimpinan Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud sudah mencapai satu peningkatan luar biasa sepanjang 25 tahun yang lalu dan momentum itu harus dikekalkan dan disokong oleh semua rakyat yang turut bercita-cita untuk menjadi sebahagian daripada sebuah negara maju menjelang 2020.

"Kerjasama rapat antara kerajaan negeri dan Persekutuan harus dikekalkan untuk menjamin kejayaan pelaksanaan banyak projek pembangunan untuk negeri ini di bawah Rancangan Ma-

laysia Kesembilan (RMK-9)," katanya.

Tambah beliau, konsep unik perkongsian kuasa BN adalah satu mekanisme contoh yang dicemburui oleh ramai pihak.

"Kita harus mempromosi dan mengekalkan reputasi kita sebagai salah sebuah negara yang paling berjaya di dunia hari ini walaupun perbezaan dari segi kaum, agama, etnik dan budaya.

"Kekuatan inilah yang membawa kita melangkah sejauh ini dan kita hanya boleh melihat ke hadapan untuk satu acuan yang lebih baik dan tidak merosakkan apa yang sudah kita capai setakat ini," katanya.

Bagi tempoh lima tahun akan datang, jelas Abdullah, peruntu-

kan sebanyak RM15.1 bilion telah ditetapkan untuk pelbagai projek dan program yang bertujuan meningkatkan kualiti kehidupan dan masa depan penduduk Sarawak.

"BN di dalam tumpuannya untuk membangunkan setiap inci negara, tidak pernah melupakan atau mengenyepikan penduduk luar bandar, yang terus setia dan menyokong perjuangan pakatan ini semenjak hari pertama lagi.

"Dalam peranannya, Kerajaan Persekutuan akan memastikan satu pelaksanaan yang lancar dan efektif kepada semua projek terutama sekali yang dirangka khusus untuk penduduk luar bandar dan berpendapatan rendah," katanya.

Abdullah juga berkata, kerajaan tidak mahu melihat mana-mana pihak di mana-mana bahagian yang ketinggalan di dalam langkah menuju Wawasan 2020.